

## Sumber Air Di Kuala Krai Berisiko Penyakit Kencing Tikus

KUALA LUMPUR, 23 Ogos : Penduduk Kuala Krai di Kelantan menghadapi risiko penyakit leptospirosis atau kencing tikus dari sumber air di kawasan itu, menurut kajian Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).

Presidennya S.Piarapakaran berkata air yang digunakan oleh penduduk di kawasan itu berpunca dari mata air kawasan bukit dan terdapat maklumat balas bahawa risiko penyakit kencing tikus dari sumber air ini adalah tinggi.

"Penduduk kawasan ini mengambil risiko tinggi terhadap nyawa mereka dengan menggunakan air dari sumber itu," katanya dalam satu kenyataan Selasa.

Piarapakaran berkata kajian Awer juga mendapati mutu air di beberapa kawasan di Kelantan seperti di Kuala Krai, Temangan, Kota Baharu, Machang, Pasir Puteh, Jeli, Bachok, dan Tanah Merah masih tidak memuaskan.

Antara masalah yang dihadapi, katanya, ialah bekalan air kotor, keruh dan berbau serta kerap berlaku gangguan bekalan yang tidak berjadual. - **Bernama**

Source:

[http://dailymail.com.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=14735%3Asumber-air-di-kuala-krai-berisiko-penyakit-kencing-tikus&catid=44%3Ageneral&Itemid=128&lang=](http://dailymail.com.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=14735%3Asumber-air-di-kuala-krai-berisiko-penyakit-kencing-tikus&catid=44%3Ageneral&Itemid=128&lang=)